
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

JTP 452 – PERHUBUNGAN INDUSTRI

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan. Jawapan anda harus disokong dengan mana-mana akta berkanun yang relevan jika perlu.

Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

...2/-

SOALAN 1

Encik Kassim merupakan pegawai perhubungan industri di syarikat XYZ (syarikat tersebut). Beberapa kes daripada bahagian ekspot telah dirujuk kepada beliau.

- (a) Puan Sarimah merupakan eksekutif pentadbiran bahagian ekspot di syarikat tersebut. Gaji bulanan beliau RM3,000 sebulan. Puan Sarimah telah bekerja selama 6 tahun dengan syarikat tersebut. Walaupun Puan Sarimah seorang yang rajin dan berinisiatif hubungan beliau dengan Pengurus baru tidak memuaskan. Puan Sarimah telah disingkirkan daripada senarai pekerja yang dikenalpasti untuk kenaikan pangkat. Seorang eksekutif yang baru diambil bekerja telah dinaikkan pangkat. Walaupun prestasi kerjanya tidak setanding dengan Puan Sarimah.

Berpandukan kepada Akta Perhubungan Industri 1967, apakah tindakan yang boleh diambil oleh Puan Sarimah untuk menuntut hak beliau ?

- (b) Cik Lau, seorang pekerja di bahagian ekspot tidak menunjukkan prestasi kerja yang memuaskan. Beliau juga tidak cekap dalam pengendalian kerjanya dan telah mendatangkan kerugian kepada syarikat tersebut. Gaji Cik Lau RM1,258 dan beliau telah bekerja selama 1 ½ tahun di syarikat tersebut. Selain itu Cik Lau telah disahkan dalam jawatannya. Nasihatkan Encik Kassim bagaimana perkhidmatan Cik Lau boleh ditamatkan mengikut prosedur-prosedur yang berpatutan supaya tidak bercanggah dengan undang-undang buruh.
- (c) Cik Indira adalah kerani di bahagian ekspot. Selama dua minggu berturut-turut beliau lewat 15 minit ke tempat kerja, kecuali pada hari Jumaat. Penyelidik bahagian ekspot memberitahu beliau bahawa pada hari berikutnya, beliau tidak perlu datang kerja lagi. Cik Indira tidak puas hati dan terus membuat aduan kepada Encik Kassim, pegawai perhubungan industri di syarikat perniagaan tersebut. Jika anda Encik Kassim, apakah tindakan yang anda akan ambil?
- (d) Encik Maninder adalah pengurus perkapalan di bahagian ekspot, di syarikat tersebut. Empat hari beliau tidak datang bekerja ke tempat kerja. Justeru itu Encik Kassim telah menganggap Encik Maninder sebagai tidak hadir tanpa sebab (absent without leave) dan perkhidmatan beliau ditamatkan. Pada hari kelima Encik Maninder kembali ke tempat kerja dan memberitahu bahawa beliau telah ditahan di Singapura kerana disyaki merogol seorang gadis. Walaubagaimanapun siasatan pihak polis Singapura mendapati beliau tidak bersalah dan dibebaskan. Nasihatkan Encik Kassim berkenaan tindakan yang harus diambil.
- (e) Syarikat tersebut berhasrat untuk mengambil beberapa pemuda yang berumur antara 15-16 tahun untuk bekerja. Mereka akan bekerja selama 3 bulan untuk menghabiskan kerja-kerja yang tertanggung. Apakah faktor-faktor yang harus dipertimbangkan oleh Encik Kassim dalam pengambilan pekerja-pekerja muda tersebut?

(35 markah)

SOALAN 2

Para pekerja di Syarikat Kerjaya Sdn Bhd. (selepas ini syarikat tersebut) telah berjaya mendaftarkan kesatuan sekerja pekerja dalaman mereka dengan jayanya 2 minggu yang lepas. Mereka telah mengadakan mesyuarat yang pertama dan bercadang untuk berunding dengan pihak majikan bagi memperbaiki terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan kerja yang terkandung dalam kontrak perkhidmatan mereka. Ketua kesatuan sekerja mereka telah memberitahu bahawa kesatuan sekerja mereka perlu diberikan pengiktirafan oleh majikan terlebih dahulu.

- (a) Jelaskan kepada para pekerja tentang kesan dan prosedur pengiktirafan kesatuan sekerja pekerja oleh majikan.
- (b) Terangkan kepada para pekerja berkenaan prosedur rundingan kolektif.
- (c) Andaikata pelaksanaan salah satu terma dalam perjanjian kolektif termungkir oleh majikan, apakah tindakan yang boleh diambil oleh kesatuan sekerja pekerja mengikut Akta Perhubungan Industri 1967?

(20 markah)

SOALAN 3

Cik Ho merupakan seorang pramugari yang bekerja dengan Eva Air. Dalam penerbangan daripada Roma ke Australia, beliau telah dicabuli oleh seorang penumpang yang mabuk. Beliau telah membuat aduan kepada pihak pengurusan. Pihak pengurusan enggan mengambil sebarang tindakan kerana penumpang yang mabuk itu merupakan ketua mafia yang terkenal di Itali. Pada minggu ini, beliau telah berjumpa dengan penumpang tersebut lagi dan penumpang tersebut telah mencubit punggung Cik Ho. Cik Ho tidak puas hati dan telah membuat aduan sekali lagi kepada pihak atasan. Namun masih tidak ada sebarang tindakan diambil. Nasihatkan Cik Ho.

(10 markah)

SOALAN 4

Buat pengiraan untuk yang berikut :

- (a) Cik Habsah telah bekerja semasa cuti umum yang diiktiraf oleh syarikat beliau, iaitu pada hari Krismas. Beliau telah bekerja lebih masa 5 jam pada hari tersebut. Beliau menerima gaji bulanan sebanyak RM1,390 dan bilangan jam kerja biasanya dalam sehari (normal working hours) ialah 8 jam. Selain itu, sebagai kesan keperluan tenaga kerja untuk memenuhi permintaan, beliau telah bekerja lebih masa selama 4 hari dalam seminggu, sepanjang bulan Disember. Setiap hari, beliau bekerja lebih masa selama 3 jam. Berapakah upah yang mesti dibayar kepada Cik Habsah untuk bulan Disember?

(7 markah)

...4/-

- (b) Encik Pandhita telah bekerja untuk Syarikat Anggun sejak bulan Februari 1992. Beliau telah dibuang kerja pada 30 November 2003. Gaji tahunan terakhir Encik Pandhita ialah RM23,880. Majikan bersetuju untuk membayar bonus sebanyak 3 bulan untuk tahun 2003 (genap tahun). Syarikat Anggun juga memberi insentif pembuangan kerja sebanyak satu bulan untuk setiap tahun genap bekerja dan akan dipro-ratakan sekiranya tidak genap setahun. Kirakan jumlah pampasan yang diperolehi oleh Encik Pandhita.
(7 markah)
- (c) Cik Jamilah berazam untuk meletak jawatan pada 20 Januari 2004. Gaji bulanan beliau ialah RM1,460. Syarikat di mana Cik Jamilah bekerja bersetuju untuk membayar bonus sebanyak satu setengah (1 1/2) bulan untuk tahun 2003. Berapa banyakkah yang akan diperolehi oleh Cik Jamilah dalam bulan Januari 2004?
(4 markah)
- (d) Encik Kim dengan isterinya bercadang untuk menggunakan wang simpanan KWSP mereka untuk membiayai kos pembelian sebuah hartanah. Pada keseluruhan, Encik Kim mempunyai RM369,000 dalam akaun KWSPnya. Isteri Encik Kim pula mempunyai RM 187,000 dalam akaun KWSP beliau. Kos hartanah tersebut ialah RM328,000. Mereka akan mengambil pinjaman daripada bank sebanyak 85% daripada harga rumah. Kirakan jumlah yang boleh dikeluarkan oleh Encik Kim dan isterinya.
(5 markah)

SOALAN 5

Jelaskan prinsip-prinsip serta konsep-konsep berikut :

- (a) Berdasarkan kepada Kod Gangguan Seksual, apakah tindakan-tindakan yang dianggap sebagai Gangguan Seksual?
- (b) Apakah tujuan Akta SOCSO? Adakah SOCSO berkesan?
- (c) Bezakan antara mahkamah buruh dengan mahkamah industri.
- (d) Jelaskan kenapa Kod Tingkahlaku untuk Keharmonian Industri tidak begitu berkesan untuk menjamin keharmonian industri.

(12 markah)